

# PROGRAM HARI SUKAN NEGARA 2017

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2564-program-hari-sukan-negara-2017](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2564-program-hari-sukan-negara-2017)

BUKIT IBAM, 14 Okt 17 – Seluruh warga Skwadron 322 TUDM Bukit Ibam telah menyertai Program Hari Sukan Negara 2017 yang bertempat di Padang Kawad Skn 322 TUDM Bukit Ibam. Objektif Program Hari Sukan Negara ini diadakan adalah untuk menerapkan budaya hidup cergas dan aktif dalam sukan disamping memupuk semangat perpaduan dalam kalangan warga Skn. Acara dimulakan dengan aktiviti pemanasan iaitu senamrobik yang diketuai oleh Jurulatih Jasmani Skn dan dimeriahkan lagi dengan aktiviti Fun Walk sejauh 3 KM sekitar kawasan Skn.

